

01 JAN 2002

Mahathir-Sun/I

PENGARANG AKHBAR THE SUN TIDAK DIPAKSA LETAK JAWATAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak pernah mendesak pemilik akhbar The Sun supaya mengambil tindakan terhadap kakitangannya berhubung laporan muka depan mengenai komplot untuk membunuh beliau dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Minta mereka tampil dan beritahu saya yang saya memberi tekanan dan saya akan katakan di depan muka mereka mengenai apa yang saya berpendapat mengenai mereka," kata beliau dalam persidangan media selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru anjuran Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan seorang pemberita The Sun yang berkata akhbar itu menerima surat daripada pembaca yang menyatakan pendapat bahawa Perdana Menteri dan kerajaan mengenakan tekanan pada pemilik akhbar itu supaya mengambil tindakan terhadap kakitangannya berhubung laporan itu.

Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan tindakan beberapa kakitangan atasan meja berita akhbar The Sun yang meletakkan jawatan selepas akhbar itu menyiarkan berita mengenai komplot untuk membunuh Perdana Menteri dan Abdullah di muka depan pada 25 Dis.

Pada keesokannya, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata beliau tidak pernah mengarahkan ketua pengarang dan pengarang akhbar "The Sun" untuk meletakkan jawatan kerana berita yang diterbitkan itu.

Selepas Dr Mahathir, Abdullah dan polis menafikan akan kewujudan komplot seperti itu, ketua pengarang akhbar itu H'ng Hung Wong dan pengarangnya Andy Ng meletakkan jawatan sementara ketua pengarang berita Robert Ho digantung daripada tugas.

Pemberita R.Manirajan yang menulis berita itu dan jurugambar Anita Md Nasir juga digantung daripada tugas oleh akhbar itu.

Sementara itu, lebih kurang 3,000 orang menghadiri rumah terbuka PPP yang meraikan empat perayaan utama di Malaysia -- Aidilfitri, Krismas, Deepavali dan Tahun Baru Cina.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali turut hadir.

Majlis rumah terbuka itu diwarnai dengan pertunjukkan oleh kanak-kanak kurang bernasib baik daripada rumah-rumah kebajikan dan pertubuhan-pertubuhan seperti Rumah Ozanam dan Pure Life Society dan juga penyampaian hadiah-hadiah oleh Dr Mahathir kepada atlit-atlit paralimpik Malaysia yang memenangi pingat dalam pelbagai pertandingan.

-- BERNAMA

AKT MFJ PR